

DATE: 15 APRIL 2016
PUBLICATION: KOSMO
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: DBE TARGETS TO OPEN 3,000 FRIED CHICKEN KIOSKS
CATEGORY: COMPANY NEWS

DBE sasar buka 3,000 kios jualan ayam goreng

KUALA LUMPUR - DBE Gurney Resources Bhd. (DBE Gurney), syarikat ternakan ayam bersepadu sepenuhnya, mengunjurkan untuk membuka 3,000 kios jualan ayam goreng, 300 buah trak mudah alih dan 30 buah restoran di seluruh negara dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Sehingga kini, syarikat mempunyai sebanyak 50 buah kios di Perak, Selangor dan Pulau Pinang selain bakal membuka sebuah restoran bagi produk di bawah jenama HARUMi pada pertengahan tahun ini dengan modal pelaburan bernilai kira-kira RM200,000.

Pengarah Urusannya, Datuk Alex Ding Seng Huat berkata, sasaran tersebut diyakini mampu dicapai selepas melihat potensi pasaran semasa dan penerimaan sijil halal



SALAH seorang kakitangan DBE Gurney menunjukkan menu ayam goreng di bawah jenama HARUMi di Kuala Lumpur semalam.

daripada Jabatan Kema-juan Islam Malaysia.

"Sijil halal penting untuk syarikat memenuhi permintaan pasaran di luar negara seperti Indonesia dan Thailand.

"Peluang francais ini juga bakal dimanfaatkan oleh usahawan bumiputera khususnya golongan muda untuk memu-

lakan perniagaan dalam sektor makanan dan minuman," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perjanjian kerjasama antara Pexden Holding Sdn. Bhd. dan DBE Poultry Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat milik penuh DBE Gurney di sini semalam.